

## Partisipasi dan Persepsi Pengundi Luar Bandar Dalam Politik Pilihan Raya: KajianKes di Kawasan DUN Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu

*Participation and Perception of Rural Voters in Election Politics: A Case Study in the Area of State Legislative Assembly of Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu*

Nur Diyana Sofiah Mohd Hazron

<sup>1</sup>Junaidi Awang Besar

Program Geografi,  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

e-mel koresponden: <sup>1</sup>jab@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Setiap individu dan masyarakat memiliki pendapat atau pandangan yang tersendiri dan ia dikenali sebagai persepsi. Persepsi yang wujud adalah dipengaruhi oleh pelbagai sumber maklumat yang cukup meluas dan mudah diakses, khususnya pada era serba moden ini. Perbezaan yang wujud berkaitan dengan pemilihan parti politik mendatangkan pelbagai kesan yang merangkumi sudut negatif dan positif, bergantung kepada pemikiran individu masing-masing. Selain daripada persepsi pengundi terhadap politik, partisipasi masyarakat dalam politik juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan keberhasilan sesebuah aktiviti politik pilihan raya yang dijalankan dalam negara. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan kertas kerja ini untuk menganalisis partisipasi dan persepsi pengundi luar bandar dalam politik pilihan raya di kawasan DUN Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu. Kajian ini melibatkan pengumpulan data daripada keadaan soal selidik, temu bual, pemerhatian di lapangan, kajian kepustakaan dan kajian atas talian. Data yang diperoleh kemudian dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 25. Secara ringkasnya, kajian mendapati bahawa sebanyak 74 peratus responder berminat dengan politik. Seterusnya, isu politik yang banyak dibincangkan adalah berkaitan dengan isu kepimpinan di peringkat negara dan negeri dengan 100 peratus manakala pemimpin yang bersifat mesra rakyat merupakan kriteria pemimpin yang paling banyak disokong, iaitu sebanyak 74 peratus. Kesimpulannya, kajian ini dapat dijadikan sebagai ilmu tambahan berkaitan fenomena pilihan parti politik dalam kalangan pengundi luar bandar serta dapat dijadikan sebagai panduan kepada pihak-pihak pengkaji yang lain.*

**Kata kunci:** partisipasi politik, persepsi pengundi, kecenderungan pilihan parti, pengetahuan politik, pilihan raya

### ABSTRACT

*Every individual and society has its own opinion or view and it known as perception. The perceptions that exist are influenced by a variety of sources of information that are quite wide and easily accessible, especially in this modern era. The differences that exist in relation to the selection of political parties bring about various effects that include negative and positive angles, depending on the thinking of the respective individuals. Apart from voters' perceptions of politics, community participation in politics also an important role in determining the outcome of an electoral political activity conducted in the country. Therefore, it is the purpose of writing this paper to analyze the participation and perception of rural voters in electoral politics in the Ajil state legislative assembly constituency, Hulu Terengganu, Terengganu. This study involved data collection from questionnaires, interviews, field observations, library research and online research. The data obtained were then analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25. In summary, the*

*study found that as many as 74 percent of respondents were interested in politics. Next, many political issues discussed are related to leadership issues at the national and state levels with 100 percent while people-friendly leaders are the most supported criteria for leaders, which is 74 percent. In conclusion, this study can be used as additional knowledge related to the phenomenon of political party choice among rural voters and can be used as a guide to other researchers.*

**Keywords:** political participation, voter perceptions, party choice tendencies, political knowledge, elections

## 1. Pengenalan

Persepsi merupakan sebuah proses yang melibatkan pemilihan, penerimaan, pengorganisasian dan penginterpretasian maklumat daripada persekitaran di sekeliling oleh seseorang individu. Persepsi atau pandangan pengundi khususnya pengundi di luar bandar berkaitan dengan parti politik pilihan raya sememangnya berbeza dan dipengaruhi oleh pelbagai sumber maklumat yang wujud pada masa ini. Maklumat yang wujud pada zaman kini lebih mudah didapati dan disebarluaskan tanpa mengira sama ada ianya sahih atau sebaliknya dan hal inilah yang menyebabkan wujud pelbagai persepsi dari kalangan pengundi luar bandar khususnya, mengenai aktiviti pilihan raya yang berlaku di kawasan mereka. Selain daripada persepsi pengundi terhadap politik, partisipasi masyarakat dalam politik juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan keberhasilan sebuah aktiviti politik pilihan raya yang dijalankan dalam negara. Menurut Junaidi et al. (2016) dalam kajian geografi pilihan raya di kawasan DUN Manir, Terengganu turut menjelaskan bahawa, keberhasilan bagi aktiviti politik ini turut merangkumi faktor idealisme, sosiologi serta faktor isu semasa. Hal ini kerana faktor yang wujud ini mampu mempengaruhi sokongan pengundi kepada PAS dan BN/UMNO mengikut kawasan daerah mengundi tertentu. Hal ini juga dapat dikaitkan dengan suasana politik pilihan raya di kawasan luar bandar di sebuah negeri. Kajian mengenai partisipasi serta persepsi pengundi luar bandar dalam pilihan raya politik di DUN Ajil ini menjadi pilihan pengkaji ekoran berlakunya sejarah politik yang menarik di kawasan ini. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan kertas kerja ini untuk menganalisis partisipasi dan persepsi pengundi luar bandar dalam politik pilihan raya di kawasan DUN Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu.

## 2. Tinjauan Literatur

### 2.1 Kajian Politik Pilihan Raya Luar Negara

Kajian oleh Azrul Azlan (2018) bertajuk “Hubungan Asean-Sino: Antara Order Asia Atau Dilema ‘*China’s Rise*’” menjelaskan di Asia Timur, hubungan antara China dan Persatuan Negara Asia Tenggara (ASEAN) semakin berkembang berbanding bertahun-tahun dahulu iaitu pada waktu itu masih wujud ketidaksefahaman dalam hubungan antara ASEAN-China ini. Berdasarkan data dan sumber primer dan sekunder, kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana hubungan dua hala ni mampu membentuk kerjasama dalam konteks politik, keselamatan dan ekonomi. Selain itu, kajian ini turut mengupas mengenai strategi kedua-dua pihak dalam mengendalikan isu-isu strategik seperti persepsi *China’s Treat* dan sebagainya.

Selain itu, sebuah kajian mengenai “Hubungan Iran-Arab Saudi dan Kestabilan Rantau Timur Tengah” oleh Abdul Halim, Zarina & Nor Azizan (2018) adalah berkaitan dengan revolusi Iran pada tahun 1979 yang merupakan sebuah revolusi dunia yang bukan sahaja mengubah domestik dalam Iran dari sebuah kerajaan monarki kepada Republik Islam, malah turut mencorakkan landskap dan

geopolitik Rantau Timur Tengah. Sehingga kini, negara Iran yang dikelilingi oleh negara Arab ini menjadi tarikan perbincangan dalam kalangan sarjana dan juga minat kuasa besar.

Azrul Azlan (2018) pula telah menghasilkan sebuah kajian mengenai “Analisis Isu Air di Israel dan Palestin Berdasarkan Politik dan Undang-Undang Antarabangsa” dan kajian ini adalah mengenai isu kekurangan air yang berlaku secara berterusan di Israel, Jordan dan Palestin. Hal ini menjadi semakin buruk apabila berlaku penurunan rizab air kerana pencemaran dan perubahan iklim, serta pertumbuhan penduduk dan peningkatan permintaan air. Kerjasama berdasarkan pengurusan mampan, penggunaan teknologi canggih untuk kegunaan air yang cekap, dan penggunaan sumber air baru boleh membantu dalam menyelesaikan masalah kekurangan air di rantau ini secara keseluruhannya. Walaupun secara umumnya kajian ini adalah berkaitan dengan isu semasa yang berlaku di negara berkenaan, namun masih wujud perkaitan dengan bidang politik melibatkan persempadanan politik antara kedua-dua negara berkenaan.

## 2.2 *Kajian Politik Pilihan Raya Dalam Negara*

Junaidi et al. (2014) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu Analisis ‘Tsunami Politik Bandar’” mendapati bahawa ‘tsunami politik bandar’ berlaku disebabkan oleh faktor akses pengundi bandar kepada sumber maklumat politik daripada media alternatif seperti facebook, twitter, laman web, blog dan juga SMS di samping faktor sokongan padu pengundi etnik Cina bandar dan sokongan golongan profesional dan pengundi muda kepada Pakatan Rakyat (PR).

Junaidi (2017) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Trend pengundian dalam pilihan raya umum Malaysia ke 13” mendapati pilihan raya ini merupakan yang paling sengit dalam sejarah sehingga disifatkan sebagai “ibu segala pilihan raya”. Kajian mendapati keputusan pilihan raya pada peringkat kerusi Parlimen menunjukkan pengurangan jumlah kerusi yang dimenangi oleh BN dengan kemenangan hanya 133 kerusi. Keputusan menunjukkan undi popular berpihak kepada Pakatan Rakyat dengan memperoleh 51 peratus berbanding BN dengan 47 peratus sahaja. Analisis kajian ini menggunakan data agregat keputusan PRU 2013 dalam analisis trend pengundian.

Muhamad Takiyuddin (2018) dalam kajian yang bertajuk “Bantuan Demokrasi Di Malaysia: Peranan Promoter Berprofil Rendah” mendapati bahawa aktiviti promoter demokrasi berprofil rendah di Malaysia adalah seajar dengan pendirian umum mereka yang lebih menumpukan kepada program serasi-rejim seperti tadbir urus baik, komuniti terpinggir, dan sebagainya.

## 2.3 *Kajian Politik Pilihan Raya Negeri Terengganu*

Kajian oleh Ilyas & Nurul Saadatun Nadiah (2018) yang bertajuk “Dinamika Budaya Politik Melayu dalam Pilihan Raya Tahun 1990-2018: Terhentinya Dominasi BN di Terengganu” adalah mengenai sambutan masyarakat Melayu Terengganu terhadap parti politik bukan dominan selain BN dan PAS adalah kurang menggalakkan dan hal ini dapat dilihat berdasarkan keputusan pilihan raya yang diadakan di sini. Walaupun parti lain seperti Parti Keadilan Rakyat (PKR) turut terlibat dan memenangi beberapa kerusi dalam pilihan raya, namun sokongan yang diberikan adalah tidak konsisten sepetimana sokongan terhadap BN dan PAS.

Selain itu, kajian bertajuk “*The Transition Of Malay Political Culture in Terengganu: From Feudal, Neo-Feudal to New Politics*” oleh Ilyas et al. (2018) merupakan sebuah kajian mengenai transisi budaya politik masyarakat Melayu Terengganu yang bermula dari zaman Kesultanan Melayu sehingga pilihan raya umum ke-13. Budaya politik masyarakat Melayu tradisional adalah bersifat

feudal dimana kuasa pemerintahan dalam politik masyarakat Melayu tradisional menjadi hak mutlak raja dan golongan bangsawan.

Kajian mengenai “Perkembangan Awal Gerakan Sosio Politik Melayu di Terengganu: Tinjauan Daripada Aspek Pensejarahan” oleh Ilyas & Nurul Saadatun Nadiah (2019) adalah mengenai latar belakang sosio politik di Terengganu semenjak awal penubuhannya sehingga sebelum merdeka. Beberapa dinamika unik yang ada dalam latar belakang Terengganu yang dianggap menarik untuk ditelusuri dalam proses gerakan sosio politiknya. Salah satunya kerana Terengganu adalah negeri yang paling awal menerima kedatangan Islam di Tanah Melayu.

Abdul Hadi (2019) dalam buku beliau yang bertajuk ‘Islam Memimpin’ menjelaskan bahawa PAS termasuk di Terengganu bermuhasabah hasil daripada keputusan PRU 2019 bahawa PAS mengekalkan dan meningkatkan aspek positif iaitu penambahan ahli dan cawangan, kesediaan jentera, kualiti calon dan tawaran manifesto yang boleh dilaksanakan, manakala aspek kelemahan perlu diperbaiki iaitu penggunaan media sosial, penyampaian mesej kepada bukan Islam dan pengundi muda serta pendaftaran pengundi. Ilyas (2020) menyimpulkan bahawa budaya politik Terengganu sebelum PRU-10 menyaksikan sokongan pengundi terhadap UMNO-BN begitu kukuh dan dominan yang disebabkan faktor pembangunan. Namun pasca PRU-10, prinsip keadilan sosial pula mempengaruhi budaya politik Terengganu.

### **3. Metodologi Kajian dan Kawasan Kajian**

#### **3.1 Kaedah Pengumpulan Data dan Analisis Data**

Kajian ini menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu daya primer dan data sekunder. Data primer diperoleh dan dikumpulkan melalui kaedah soal selidik, temu bual dan pemerhatian di lapangan. Kajian melibatkan seramai 50 orang responden untuk menyempurnakan kaedah soal selidik dan seramai 3 orang informan yang terlibat dengan sesi temu bual. Bagi kaedah soal selidik, pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada 25 orang responden di kawasan bandar Ajil dan 25 orang responden di kawasan luar bandar iaitu di Kampung Landas. Soalan yang disediakan dan diedarkan kepada para responden adalah berbentuk soalan terbuka dan tertutup.

Kaedah temu bual pula dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas mengenai kajian ini daripada informan yang disasarkan dan soalan temu bual yang disediakan adalah bersifat terbuka. Hal ini adalah untuk memperoleh pandangan yang berbeza daripada setiap informan tanpa perlu terikat kepada jawapan tertentu semata-mata. Sasaran informan adalah tertumpu kepada mereka yang berjawatan dalam parti politik di kawasan kajian dan sesi temu bual ini dijalankan di tiga tempat iaitu bangunan UMNO Hulu Terengganu, Pusat Perkhidmatan Masyarakat ADUN Ajil (PAS) dan Pejabat Ahli Parlimen Hulu Terengganu (BERSATU).

Seterusnya, kaedah pemerhatian di lapangan merupakan teknik penyelidikan yang paling kerap digunakan oleh para pengkaji. Kaedah ini memerlukan pengkaji membuat persediaan dan perancangan yang sangat baik dan teliti serta setiap maklumat atau data yang diperoleh perlu dicatat dengan tepat, sah dan boleh dipercayai tanpa boleh diragukan. Kajian ini juga disertakan dengan rujukan bagi data berkaitan dengan responden dan kawasan kajian.

Di samping itu, pengumpulan data sekunder boleh didapati daripada sumber bertulis dan sumber yang sedia ada daripada terbitan kerajaan ataupun agensi tertentu. Terdapat dua kaedah yang telah dilakukan bagi mengumpulkan data sekunder menerusi kajian perpustakaan dan kajian atas talian. Perpustakaan merupakan tempat paling utama bagi memperoleh data dan maklumat daripada buku, majalah, jurnal, kertas seminar, laporan bulanan dan tahunan kerajaan yang telah disediakan seperti di Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), UKM. Pengkaji mendapatkan maklumat dan

membuat rujukan secara online di internet bagi memperoleh maklumat berkaitan kajian polilik yang dilakukan dan pengkaji juga membuat pembacaan dan rujukan daripada bahan bacaan secara atas talian seperti *Google Scholar*, *Academia* dan lain-lain. Selain itu, disertakan juga helaian mata (*score sheet*) bagi keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 bagi Parlimen Hulu Terengganu dan DUN Ajil yang diperoleh daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).


Data yang telah diperoleh daripada aktiviti soal selidik kemudian akan dianalisis dengan menggunakan perisian statistik *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Perisian ini amat membantu dalam memudahkan pengkaji untuk memperoleh hasil statistik bagi data yang telah dikumpulkan dan seterusnya mampu mencapai objektif sebenar kajian ini. Data serta maklumat yang diperoleh dimasukkan ke perisian tersebut dengan baik supaya tidak berlaku sebarang kesalahan yang seterusnya akan menjelaskan keputusan sebenar kajian. Segala maklumat dan data yang telah dianalisis akan disokong dengan maklumat yang diperoleh daripada temu bual, data statistik, maklumat dari data sekunder demi memastikan dapatkan kajian yang terhasil adalah setara dan bersesuaian dengan kajian akademik dan kajian ilmiah.

### **3.2 Kawasan Kajian: DUN Ajil, Hulu Terengganu**

Ajil merupakan sebuah pekan yang terletak di daerah Hulu Terengganu, Terengganu. Kawasan tersebut merupakan sebuah kawasan perindustrian dan depot tahanan imigresen yang menempatkan pendatang asing tanpa izin di sekitar Pantai Timur. Pada tahun 1997, Pekan Ajil telah dibangunkan serentak dengan Bandar Kuala Berang melalui program Pembangunan Daerah Hulu Terengganu. Kawasan petempatan ini terletak kira-kira 45 kilometer daripada bandar Kuala Terengganu. Kini Pekan Ajil lebih dikenali sebagai Bandar Baharu Ajil disebabkan oleh pelbagai pembangunan dan kemajuan yang sedang berlaku.

Bandar Baharu Ajil yang sedang dalam pembinaan dijangka mampu menghidupkan semula aktiviti ekonomi di bandar ini yang agak suram terutamanya di pekan lama yang terletak di persimpangan Lebuhraya Jerangau-Jabor yang kini kurang digunakan oleh pengguna jalan raya. Hal ini ekoran wujudnya Lebuh Raya Pantai Timur yang secara tidak langsung meningkatkan tumpuan orang ramai mengenai bandar ini. Bandar ini yang menelan kos sehingga RM4 juta akan menjadi pusat sehenti yang menempatkan 70 lot kedai dua tingkat, medan selera, stesen bas dan teksi. Selain itu, Bandar Baharu Ajil ini juga dijangka mampu menarik pelabur ke bandar ini ekoran akses jalan raya yang baik yang menghubungkan bandar besar serta Lebuh Raya Pantai Timur yang boleh dihubungkan terus ke Kuala Lumpur.

DUN Ajil merupakan salah sebuah bahagian pilihan raya negeri di Terengganu yang memiliki wakil di Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu dengan kod N.24. DUN Ajil merangkumi 16 kawasan Daerah Mengundi (Lihat Rajah 1). Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi kawasan Ajil ialah Yang Berhormat Ustaz Maliaman Kassim daripada PAS. Keputusan PRU-14 bagi DUN Ajil menyaksikan calon PAS iaitu Ustaz Maliaman Kassim memperoleh 8,132 undi, calon BN iaitu Dr. Ghazali Taib memperoleh 8,128 undi manakala calon PKR/PPBM iaitu Zamani Mamat hanya memperoleh 679 undi. Secara keseluruhannya juga, jumlah kertas undi yang patut berada dalam peti undi bagi pilihan raya berkenaan adalah sebanyak 17,294 dan jumlah undian oleh pemilih adalah 16,939. Bilangan kertas undi yang ditolak pula adalah 285 dan jumlah kertas undi yang dikeluarkan kepada pengundi tetapi tidak dimasukkan ke dalam peti undi adalah sebanyak 70.



RAJAH 1. Peta kawasan DUN Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu

Sumber: Diubahsuai daripada Pelan Warta Parlimen P.038 Hulu Terengganu, JUPEM 2018

#### 4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Analisis dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif bagi menghuraikan objektif kajian yang berkaitan dengan tajuk “Partisipasi dan Persepsi Pengundi Luar Bandar Dalam Politik Pilihan Raya: Kajian Kes Di Kawasan DUN Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu”. Objektif yang dibina dalam kajian sangat membantu untuk melihat tahap penyertaan pengundi luar bandar di kawasan kajian dalam pilihan raya politik serta pandangan mereka terhadap pilihan raya yang berlaku.

##### 4.1 Penglibatan Responden Dalam Sebarang Proses Politik Dalam Mana-Mana Peringkat

Hasil pengumpulan maklumat dan data daripada responden yang terlibat mendapati bahawa sebanyak 82 peratus responden terlibat dalam proses politik dimana-mana peringkat manakala selebihnya merupakan mereka yang tidak terlibat dalam sebarang proses politik.

Penglibatan responden ini menunjukkan catatan peratusan yang tinggi dan membuktikan bahawa responden yang terlibat kebanyakannya mengambil tempat dalam kegiatan politik walaupun di peringkat terendah. Selain itu, kefahaman responden berkaitan dengan penglibatan dalam proses politik ini adalah berkaitan dengan tanggungjawab sebagai pengundi dan oleh kerana itu jumlah penglibatan yang dicatatkan adalah tinggi berbanding mereka yang tidak terlibat. Hal ini juga kerana, kesemua responden yang disasarkan adalah mereka yang berstatus layak mengundi atau pengundi di

kawasan kajian ini. Seterusnya, beberapa orang responden yang terlibat dalam soal selidik ini juga merupakan kakitangan atau pekerja di pejabat parti politik yang terdapat di kawasan kajian ini. Walaupun mereka hanya bertugas sebagai kakitangan biasa, namun penglibatan, tanggungjawab dan perkongsian mereka berkaitan dengan senario politik di kawasan ini sangat membantu dalam kajian yang dijalankan. Seterusnya, catatan sebanyak 18 peratus responden yang memilih ‘tidak terlibat’ bagi penglibatan dalam sebarang proses politik dalam mana-mana peringkat adalah terdiri daripada golongan belia atau pelajar yang belum berkesempatan untuk mengundi ketika PRU-14 yang lalu dan layak mengundi pada PRU-15 akan datang.

Pandangan berkaitan dengan penglibatan dalam sebarang proses politik dalam mana-mana peringkat ini juga turut diperoleh daripada Tuan Abdul Muhammin Mohamed Zameri selaku Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (ARMADA) BERSATU Hulu Terengganu menerusi sesi temu bual yang dijalankan di Pusat Khidmat Ahli Parlimen, P.038 Hulu Terengganu. Dalam temu bualberkenaan, dengan soalan berikut: ‘Secara keseluruhannya, adakah anda terlibat dalam sebarangproses politik dalam mana-mana peringkat? Mengapa dan untuk apa’, beliau menyatakan bahawa: “Saya di Hulu Terengganu ni, saya menjadi seorang ahli parti iaitu Parti BERSATU. Keahlian sayadah berusia lebih kurang dalam 6 tahun. Mengapa saya melibatkan diri dalam dunia politik, kerana saya beranggapan pada waktu itu memang perlunya orang muda untuk melibatkan diri dalam politik sebab politik ini adalah salah satu proses untuk parti itu sendiri mencari pemimpin atau pun untukmencari penggerak untuk menyampaikan maklumat tentang kerajaan semasa dan juga bantuan-bantuan di peringkat kampung, yang mana saya beranggapan kerajaan yang sebelum ini kurangefektif untuk menyalurkan dari segi bantuan dan juga dari segi maklumat. Maka saya memilihpendirian saya sendiri untuk melibatkan diri dalam dunia politik ini untuk menjadi salah satu *check and balance* di dalam kerajaan semasa pada waktu itu”.

(Tuan Abdul Muhammin Mohamed Zameri, 30 Mac 2022)

Secara keseluruhan berkaitan dengan penglibatan dalam sebarang proses politik ini menunjukkan bahawa partisipasi masyarakat dalam bidang politik bukan hanya bergantung kepada para ahli politik semata-mata, malahan penting dalam kalangan penduduk atau masyarakat setempat. Hal ini untuk meningkatkan tahap pemeritahan yang baik disamping mengekalkan kualiti hidup yang positif dalam kalangan masyarakat setempat.

#### **4.2 Ambil Tahu Situasi/Perkembangan Politik Dalam Negara**

Berdasarkan kepada analisis kajian ini mendapati bahawa sebanyak 74 peratus responden ambil tahu mengenai situasi atau perkembangan politik dalam negara manakala angka peratusan yang tidak ambil tahu adalah sebanyak 26 peratus. Peratusan responden yang mengambil tahu mengenai situasi atau perkembangan politik dalam negara berada pada tahap yang baik dan hal ini disebabkan oleh beberapa faktor tertentu yang mempengaruhi pilihan mereka untuk mengambil tahu berkaitan dengan perkara ini. Antaranya adalah disebabkan oleh minat mereka terhadap senario atau isu politik negara sehingga mendorong mereka untuk mengikuti perkembangan politik yang berlaku, khususnya dalam negara dari semasa ke semasa. Minat yang ditunjukkan dalam politik sememangnya mampu memberikan pelbagai kebaikan dan faedah kepada individu dan masyarakat, termasuklah untuk meningkatkan pengetahuan umum berkaitan isu negara serta membuktikan tanggungjawab sebagai penduduk negara ini. Peningkatan pengetahuan masyarakat dalam perkembangan politik negara juga mampu membantu untuk mengurangkan isu politik yang berlaku dan mampu melahirkan lebih ramai golongan pemimpin yang memiliki nilai moral yang tinggi. Selain itu, sikap ambil tahu yang

ditunjukkan dalam kalangan pengundi luar bandar di kawasan kajian juga mampu mengelakkan prasangka negatif terhadap parti politik yang terlibat, selain mengurangkan isu perpecahan antara masyarakat walaupun berbeza pegangan parti politik di kawasan kajian ini.

Seterusnya, pencapaian maklumat yang lebih mudah dengan teknologi dan sumber yang moden turut menyumbang kepada jumlah peratusan responden yang mengambil tahu mengenai situasi atau perkembangan politik dalam negara. Hampir keseluruhan penduduk termasuklah para responden yang terlibat menggunakan beberapa platform untuk mengakses atau mendapatkan maklumat berkaitan isu semasa yang berlaku, termasuklah berkaitan dengan isu politik dalam negara. Antara platform yang biasa digunakan adalah seperti media sosial, media elektronik dan media cetak. Selain itu, rata-rata mereka tahu berkaitan situasi politik yang berlaku dalam negara adalah daripada orang sekeliling seperti keluarga, rakan sekerja dan penduduk kampung. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil penduduk atau responden yang terlibat memilih ‘tidak ambil tahu’ terhadap perkembangan atau situasi politik dalam negara dan perkara ini berlaku disebabkan oleh minat mereka yang cetek terhadap politik sehingga menghalang diri mereka untuk mengambil tahu berkaitan dengan isu politik yang berlaku. Persepsi atau pandangan yang negatif terhadap senario politik dalam negara turut menyumbang kepada faktor wujud beberapa peratusan kecil yang tidak mengambil tahu berkaitan dengan situasi atau perkembangan politik dalam negara.

Berdasarkan sesi temu bual yang dijalankan bersama Ketua ARMADA BERSATU Hulu Terengganu baru-baru ini, beliau juga ada menekankan kepentingan mengambil tahu berkaitan dengan situasi politik negara dan seiring untuk menjawab soalan yang ditanyakan iaitu 'Adakah anda mengambil tahu situasi/perkembangan politik dalam negara? Mengapa dan untuk apa', beliau menyatakan:

“Perkembangan politik dalam negara kita memang menjadi salah satu keutamaan untuk kita mengikuti perkembangan dia kerana sepanjang penggal ini, pada tahun 2018 sehingga 2023 nanti, rakyat di negara kita sendiri melihat kerajaan di peringkat negeri atau di peringkat persekutuan, terutama sekali di persekutuan kita telah ada 3 Perdana Menteri dalam masa 5 tahun, di kerajaan negeri juga kita ada 5 negeri yang telah melalui proses pilihan raya tanpa sampai tempoh sebenar. Ini bermakna, perkembangan politik hari ini perlu diambil perhatian oleh orang-orang muda kerana mereka perlu bertindak bijak untuk memilih pemimpin yang akan datang supaya kerajaan hari ini menjadi lebih stabil dan juga mengutamakan kebijakan orang-orang muda dan masyarakat”.

(Tuan Abdul Muhammin Mohamed Zameri, 30 Mac 2022)

#### 4.3 *Minat Terhadap Politik*

Minat terhadap politik mampu menentukan tahap pengetahuan, pandangan dan penglibatan masyarakat khususnya pengundi luar bandar di kawasan kajian terhadap senario politik yang berlaku. Setiap orang memiliki minat masing-masing dan dalam kajian ini, tahap minat terhadap politik merupakan komponen terpenting untuk memperoleh maklumat dan pandangan daripada responden bagi menyelesaikan setiap objektif dalam kajian ini.

Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 74 peratus responden berminat dengan politik dan sebanyak 26 peratus tidak berminat. Angka yang diperoleh menentukan tahap pencapaian maklumat yang dapat dikumpul serta kerjasama yang dapat diperoleh daripada para responden dalam menjayakan sesi pengumpulan data ini. Rata-rata responden yang berminat dengan politik beranggapan bahawa politik merupakan sebuah ilmu atau pengetahuan yang penting untuk diberi perhatian khususnya dalam kalangan masyarakat negara dan golongan muda. Hal ini kerana tahap

keberhasilan sistem politik di peringkat negeri atau negara adalah bergantung kepada tahap penerimaan dan minat masyarakat terhadap politik. Misalnya, tidak semua isu politik yang digemparkan adalah sahih dan boleh diterima sepenuhnya tanpa sebarang bantahan atau renungan. Dengan wujudnya minat terhadap politik, sikap ingin tahu dengan lebih mendalam berkaitan perkara sebenar yang berlaku dalam sistem politik negara akan meningkat dan sekaligus mampu mengelakkan prasangka buruk terhadap sesetengah pihak walaupun berbeza pandangan dan pendapat.

Selain itu, sebahagian responden yang berminat dengan politik kebanyakannya merupakan mereka yang terlibat dalam proses politik di mana-mana peringkat seperti pekerja atau kakitangan di pejabat parti politik itu sendiri. Ada juga sebilangan responden muda yang menunjukkan minat terhadap politik dan memiliki pengetahuan berkaitan dengan senario politik yang berlaku. Hal ini mampu mendatangkan pelbagai kesan positif dalam perkembangan politik negara jika penglibatan dan minat golongan muda terhadap politik terus meningkat dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, sebanyak 26 peratus direkodkan bagi responden yang tidak berminat dengan politik dan rata-ratanya adalah disebabkan oleh kesibukan bekerja dan kurang keyakinan terhadap sistem politik negara pada masa ini.

#### **4.4 Jenis Partisipasi Dalam Politik Dalam Kalangan Pengundi Luar Bandar di Kawasan DUN Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu**

Terdapat pelbagai jenis partisipasi atau cara penglibatan dalam politik dalam kalangan pengundi luar bandar di kawasan DUN Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu. Penglibatan mereka dalam pelbagai aktiviti politik ini mampu membuktikan tahap sokongan dan pengetahuan mereka mengenai tanggungjawab dan peranan dalam bidang politik. Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh, jenis partisipasi ‘mengundi parti politik’ mendapat peratusan tertinggi iaitu sebanyak 82 peratus berbanding jenis partisipasi yang lain (Lihat Jadual 1). Hal ini adalah disebabkan oleh kebanyakan para responden atau pengundi luar bandar yang terlibat dalam aktiviti soal selidik ini terdiri daripada warganegara yang layak mengundi dan memiliki pengalaman mengundi pada Pilihan Raya Umum yang lepas. Penglibatan mereka sebagai pengundi pada pilihan raya mampu membuktikan sikap tanggungjawab dan prihatin mereka terhadap peranan mereka sebagai masyarakat dan penduduk di kawasan kajian ini.

JADUAL 1. Cara partisipasi dalam politik (peratus)

Bil	Jenis partisipasi dalam politik	Ya	Tidak
1.	Mengundi parti politik	82	18
2.	Berkempen untuk parti politik	30	70
3.	Menyertai hari penamaan calon	26	74
4.	Mendengar ceramah politik	16	84
5.	Membayar/menyumbangkan duit atau material kepada parti politik	10	90
6.	Menjadi pekerja parti politik	10	90

*Sumber: Soal selidik 2022*

Selain itu, cara partisipasi kedua tertinggi adalah ‘berkempen untuk parti politik’ dengan jumlah peratusan responden menjawab ‘ya’ adalah sebanyak 30 peratus. Aktiviti berkempen di

kawasan kajian sememangnya dapat dilihat dan dirasai apabila tiba musim mengundi atau pilihan raya. Kebanyakan mereka yang menyertai dan mengikuti kempen berkenaan adalah terdiri dari kalangan penduduk setempat dan aktiviti berkenaan dapat dijadikan sebagai bukti semangat dan tahap sokongan mereka terhadap parti politik pilihan masing-masing. Walaupun aktiviti berkempen ini dijalankan oleh mereka yang terdiri daripada pihak parti politik yang berbeza, namun hubungan kerjasama antara mereka tetap terjalin dengan baik.

Seterusnya, cara partisipasi dengan ‘menyertai hari penamaan calon’ pula telah mendapat nilai peratusan sebanyak 26 peratus. Peratusan yang diperoleh bukan antara peratusan yang tinggi memandangkan aktiviti penamaan calon kebiasaannya hanya melibatkan ahli-ahli politik sahaja, namun peratusan yang diperoleh mewakili beberapa orang responden menunjukkan bahawa ada juga diantara mereka yang mengambil tahu mengenai hari penamaan calon yang berlangsung walaupun tidak terlibat secara langsung atau sama sekali. Sikap ambil tahu akan perkara ini turut membuktikan minat mereka terhadap setiap aktiviti politik yang berlaku khususnya melibatkan kawasan dan negeri setempat.

#### **4.5 Isu-isu Politik Yang Selalu Dibincangkan di Kawasan Kajian**

Menurut hasil yang diperoleh daripada soal selidik yang dijalankan berkaitan dengan isu yang selalu dibincangkan di kawasan kajian, terdapat beberapa isu yang didapati banyak dibincangkan berbanding isu yang lain dan ini adalah merangkumi pendapat daripada para responden yang terlibat. ‘Isu kepimpinan negara’ telah dipilih oleh kesemua responden yang terlibat sebagai salah satu isu yang selalu dibincangkan dengan peratusan sebanyak 100 peratus, begitu juga dengan ‘Isu rasuah/salah guna kuasa’ dan ‘Isu kepimpinan negeri’ yang masing-masing dengan catatan 100 peratus (Lihat Jadual 2). Selain itu, isu yang banyak dipilih oleh para responden sebagai isu yang selalu dibincangkan di kawasan kajian adalah isu berkaitan dengan Kerajaan Terengganu sendiri dengan peratusan setinggi 96 peratus. Seterusnya, ‘Isu Dato’ Seri Najib’ juga menjadi salah satu isu yang hangat dibicarakan di kawasan ini yang menjadi isu yang banyak dipilih oleh para responden iaitu sebanyak 92 peratus. Isu yang dibincangkan di kawasan kajian ini merupakan antara isu terbesar dan penting yang berlaku dalam negara dan hal ini sedikit sebanyak membuktikan kepekaan para responden di kawasan kajian ini berkaitan isu yang berlaku, baik dalam negeri maupun dalam negara.

**JADUAL 2. Isu politik yang selalu dibincangkan di kawasan kajian (peratus Ya)**

1.	Isu kepimpinan negara	100	9.	Isu Tan Sri Muhyiddin Yassin	76	17.	Isu pilihan raya DUN Sarawak	36
2.	Isu rasuah/salah guna kuasa	100	10.	Isu dalaman UMNO	70	18.	Isu pilihan raya Melaka	30
3.	Isu kepimpinan negeri	100	11.	Isu lompat parti	70	19.	Isu MOU antara Kerajaan Pusat dengan PH	30
4.	Isu Kerajaan Terengganu	96	12.	Isu Dato’ Seri Anwar Ibrahim	64	20.	Isu Perikatan Nasional	22
5.	Isu Dato’ Seri Najib	92	13.	Isu dalaman PAS	62	21.	Isu Muafakat Nasional	16

6.	Isu PRU-15	86	14.	Isu pilihan raya DUN Sabah	42	22.	Lain-lain, nyatakan: _____	0
7.	Isu Tun Dr. Mahathir	84	15.	Isu peralihan Kerajaan PN ke Kerajaan BN+PN	42		_____	_____
8.	Isu kepimpinan setempat/kampung	82	16.	Isu PH	40		_____	_____

*Sumber: Soal selidik 2022*

Maklumat dan data berkaitan dengan isu yang banyak dibincangkan di kawasan kajian dalam kalangan pengundi luar bandar di kawasan kajian juga turut dihuraikan oleh informan yang terlibat dalam aktiviti temu bual yang dijalankan. Berdasarkan soalan yang diajukan iaitu ‘Apakah isu politik yang selalu dibincangkan oleh belia di kawasan anda? Jelaskan dengan lebih lanjut’, Tuan Abdul Muhammin Mohamed Zameri selaku Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (ARMADA), BERSATU Hulu Terengganu ada menjelaskan bahawa:

“Untuk kawasan saya di kawasan luar bandar ini, antara isu politik yang dibincangkan oleh belia yang pertama ialah berkenaan dengan bantuan daripada kerajaan yang memerintah sekarang kerana di kawasan luar bandar ini kebanyakannya belia yang ada, mereka adalah daripada kalangan peniaga dan juga daripada kalangan penggerak sukan di peringkat komuniti. Jadi mereka untuk menggerakkan kerja-kerja mereka, mereka betul-betul mengharapkan bantuan daripada kerajaan semasa. Jadi sekiranya kerajaan semasa gagal untuk membantu golongan-golongan belia hari ini, akan datang belia-belia ini tiada tempat untuk bergantung. Jadi itu antara topik utama yang dibincangkan”.

(Tuan Abdul Muhammin Mohamed Zameri, 30 Mac 2022)

#### **4.6 Isu Politik Pilihan Raya Akan Menyedarkan Diri Sendiri Betapa Pentingnya Kuasa Politik Kepada Rakyat**

Isu politik pilihan raya yang banyak berlaku baik dalam negeri, negara maupun di luar negara sememangnya memberi pelbagai kesan khususnya melibatkan pandangan masyarakat terhadap senario politik yang berlaku kini. Untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam berkaitan dengan perkara berkenaan, soalan berikut iaitu ‘Isu politik pilihan raya akan menyedarkan diri sendiri betapa pentingnya kuasa politik kepada kita’ turut disertakan dalam soal selidik yang dijalankan. Hal ini juga adalah untuk mengkaji tahap persetujuan dan pandangan para responden terhadap kenyataan tersebut.

Berdasarkan soal selidik yang dijalankan, catatan sebanyak 82 peratus pihak yang bersetuju dengan kenyataan berkenaan dan ini menunjukkan jumlah peratusan yang tinggi. Ini turut membuktikan bahawa pandangan para responden yang juga pengundi luar bandar di kawasan kajian ini terhadap isu politik pilihan raya adalah bersifat positif dan baik. Isu yang berlaku dalam politik pilihan raya sememangnya wajar dikawal untuk memastikan sistem politik dalam negara dan negeri lebih harmoni dan terkawal, namun itu bukan bermakna tiada impak baik yang harus diberi perhatian. Dengan wujudnya pelbagai isu, pelbagai inisiatif dan kaedah turut dilakukan untuk mengawal isu ini dan sekaligus membuka mata masyarakat untuk melihat cara pengurusan masalah serta kepimpinan oleh para pemimpin semasa. Selain itu, isu politik yang berlaku mampu memberi kesedaran kepada rakyat mengenai kepentingan kuasa politik kerana kebanyakan isu politik yang wujud adalah melibatkan para pemimpin serta ahli politik dan hal ini sekali gus dapat memberi

peluang kepada masyarakat untuk menilai calon pemimpin dan memilih para pemimpin terbaik pada masa akan datang. Seterusnya, kebanyakan responden bersetuju dengan kenyataan berkenaan kerana dengan wujudnya pelbagai isu dalam politik, mereka juga dapat melihat senario sebenar yang berlaku dalam politik yang melibatkan kepimpinan yang dipilih dan diundi oleh mereka sendiri. Umum mengetahui bahawa rakyat juga mempunyai hak untuk memberi pendapat dan pandangan berkaitan dengan pelbagai perkara termasuklah pemilihan pemimpin yang bertanggungjawab dan berkualiti. Di samping itu, ramai responden bersetuju jika dikatakan isu politik pilihan raya akan mampu menyedarkan diri sendiri betapa pentingnya kuasa politik kepada rakyat adalah kerana wujud minat dan pengetahuan yang luas berkaitan dengan politik dan bukan hanya melihat kepada sisi negatif semata-mata. Dengan wujud pelbagai penyebaran maklumat yang meluas berkaitan dengan isu-isu politik yang berlaku secara tidak langsung dapat menarik minat masyarakat khususnya golongan belia untuk mengambil tahu akan senario politik dalam negeri mahupun negara.

Walau bagaimanapun, terdapat sebanyak 12 peratus responden tidak bersetuju jika dikatakan isu politik pilihan raya akan menyedarkan diri sendiri betapa pentingnya kuasa politik kepada kita sebagai rakyat. Hal ini kerana mungkin wujud tanggapan negatif dalam diri berkaitan dengan isu politik yang berlaku sehingga menolak jika dikatakan isu berkenaan juga mampu memberi manfaat kepada diri. Selain itu, sebahagian responden yang tidak bersetuju berkenaan merupakan mereka yang kurang berminat dengan politik dan secara tidak langsung merupakan golongan yang kurang mengambil tahu berkaitan dengan isu politik. Oleh hal yang demikian, mereka tidak melihat isu ini sebagai sebuah perkara yang mampu membuktikan tahap keberkesanan kuasa politik kepada rakyat malahan menganggap yang sebaliknya. Seterusnya, kurang pendedahan yang lebih mendalam berkaitan dengan isu politik pilihan raya yang berlaku juga mendorong untuk mereka tidak bersetuju dengan kenyataan dan soalan yang diberikan. Ini juga jelas membuktikan bahawa pentingnya ilmu dan pengetahuan asas mengenai senario politik yang berlaku supaya anggapan yang tidak sepatutnya dapat dihakis. Selain daripada tanggapan negatif, kurang minat dan pendedahan, sikap pemimpin yang terlibat juga turut menjadi punca masyarakat hilang keyakinan dan minat kepada isu politik serta penglibatan politik. Sikap pemimpin yang tidak amanah, tidak bertanggungjawab, mengamalkan rasuah dan sebagainya sedikit sebanyak menghakis kepercayaan rakyat terhadap barisan pemerintah yang terlibat atau tidak terlibat. Oleh yang demikian, pemilihan pemimpin yang memiliki sifat-sifat baik adalah sangat penting dan perlu dititikberatkan supaya tidak berlaku isu-isu politik yang juga pada akhirnya mampu menjelaskan kehidupan rakyat sendiri.

Selain daripada kelompok ‘setuju’ dan ‘tidak setuju’, terdapat juga sebilangan kecil responden yang tidak pasti akan perkara ini dimana isu politik pilihan raya akan menyedarkan diri sendiri betapa pentingnya kuasa politik kepada rakyat. Sebab wujudnya peratusan kecil ini iaitu sebanyak 6 peratus adalah disebabkan oleh tiada minat terhadap isu politik dan mereka memilih untuk tidak mengambil tahu berkaitan manfaat atau akibat daripada isu yang melanda. Selain itu, mereka yang tidak pasti terdiri daripada golongan yang tiada pengalaman dalam sebarang aktiviti politik, baik dari segi pendidikan, orang sekeliling atau kehidupan sosial mereka. Jawapan tidak pasti ini juga menunjukkan bahawa pendedahan berkaitan dengan isu-isu politik dan kepentingan kuasa politik dalam negara adalah kurang, dan hal ini berkait rapat dengan sebab yang telah dinyatakan sebelumnya. Seterusnya, jawapan ‘tidak pasti’ menunjukkan kurangnya tahap keyakinan mereka terhadap kepentingan kuasa politik yang dapat diperoleh daripada isu politik yang berlaku. Hal ini juga membawa maksud, mereka tidak menolak sepenuhnya bahawa isu politik pilihan raya yang berlaku mampu memberi kesedaran mengenai kepentingan kuasa politik kepada rakyat namun mereka juga tidak menerima sepenuhnya. Dengan pendedahan dan maklumat yang lebih jelas berkaitan dengan isu politik sebenar yang berlaku, mereka akan mampu melihat impak baik dan

buruk yang dapat diambil daripada isu berkenaan, termasuklah berkaitan kuasa politik dan kepimpinan dalam negara kepada rakyat.

#### 4.7 Pendapat Umum Mengenai Pernyataan “Senario Politik Pilihan Raya”

Berdasarkan soal selidik yang dijalankan untuk mendapatkan data berkaitan dengan kajian, pendapat umum pengundi luar bandar di kawasan kajian ini berkaitan dengan penyertaan ‘Senario politik pilihan raya’ diambil kira dan dikenal pasti berdasarkan tahap persetujuan mereka. Seluruh responden yang terlibat sememangnya menyokong kenyataan iaitu masyarakat di kawasan berkenaan masih bersatu padu walaupun berbeza ideologi politik dengan catatan peratusan sebanyak 100 peratus (Lihat Jadual 3). Hal ini menunjukkan satu suasana atau keadaan yang positif di mana masyarakat hidup dengan naman dan harmoni walaupun masing-masing tidak memiliki pendapat dan pilihan yang sama. Tambahan pula, keadaan kawasan kajian yang terletak di luar bandar dan tidak merangkumi kawasan yang sangat luas turut membantu untuk mencorakkan suasana dan persekitaran yang damai dan tenang antara satu sama lain. Akibatnya, ini dapat mewujudkan banyak jalinan kerjasama dan perkongsian pendapat serta pandangan berkaitan pelbagai perkara termasuklah hal berkaitan isu politik yang berlaku. Sikap saling membenci dan bermusuh hanya disebabkan oleh pilihan parti politik yang berbeza menunjukkan cara pemikiran yang tidak matang dan tidak wajar untuk ditonjolkan sebagai rakyat Malaysia yang berpengetahuan dan bijak.

JADUAL 3. Pendapat umum mengenai pernyataan “Senario Politik Pilihan Raya” (Peratus)

Bil.	Senario Politik Pilihan Raya	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Masyarakat di kawasan ini masih bersatu padu meskipun berbeza ideologi politik.	100	0	0
2.	Suasana ketika kempen pilihan raya adalah terkawal dan aman.	96	0	4
3.	Calon-calon daripada parti politik yang bertanding bagi DUN Ajil, Hulu Terengganu adalah berjiwa rakyat.	96	0	4
4.	Senario politik pilihan raya di kawasan kajian dalam keadaan baik dan stabil.	92	0	8
5.	Kebanyakan pengundi di kawasan ini terdiri daripada golongan muda.	82	0	18

Sumber: Soal selidik 2022

Selain itu, senario politik pilihan raya iaitu ‘Suasana ketika kempen pilihan raya adalah terkawal dan aman’ merupakan pendapat yang mendapat persetujuan kedua tertinggi iaitu sebanyak 96 peratus. Keadaan yang terkawal dan aman ketika kempen pilihan raya dijalankan ini juga jelas membuktikan kesahihan kepada senario sebelumnya iaitu melibatkan sikap satu padu masyarakat walaupun memiliki ideologi politik yang berbeza. Hal ini berlaku kerana wujud pemikiran yang positif dalam kalangan penduduk setempat yang terlibat dan tidak melihat kepada perkara-perkara yang mampu mencetuskan sebarang konflik atau masalah dalam hubungan antara mereka. Tidak dinafikan, perbezaan ideologi politik yang wujud sedikit sebanyak dapat menimbulkan percanggahan idea atau ketidakpuasan hati, namun hal-hal berkenaan wajar ditangani dengan bijak supaya tidak berlarutan sehingga meninggalkan kesan yang lebih besar kepada semangat kemasyarakatan mereka.

#### **4.8 Kecenderungan Untuk Menyokong Parti Politik**

Pemilihan parti politik adalah disebabkan oleh kecenderungan masyarakat yang berbeza dan bergantung kepada konsep atau matlamat utama yang dipegang oleh setiap parti politik itu sendiri. Hal ini turut diulas oleh informan yang ditemui bual ketika kajian lapangan dijalankan dengan soalan, ‘Saya berkecenderungan untuk menyokong parti politik yang bercirikan apa dan kerapa apa’. Selain daripada Tuan Abdul Muhammin Mohamed Zameri, Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (ARMADA), BERSATU Hulu Terengganu, terdapat seorang informan yang merupakan Pegawai Khas ADUN Ajil, merangkap Ketua Urusetia Parti Islam SeMalaysia (PAS) DUN Ajil, Ustaz Ahmad Furqan bin Ismail memberikan penjelasan yang sangat jelas berkaitan dengan kecederungan dalam sokongan atau pemilihan parti politik.

Berikut merupakan penjelasan yang diberikan: “Mengapa saya pilih parti politik PAS kerana pada asasnya merujuk kepada jawapan saya yang sebelum ini iaitu kalau saya meletakkan politik di hadapan atau kaca mata saya memandang dari sudut politik, maka saya akan ada banyak keutamaan-keutamaan yang lain. Tapi bagi saya, kenapasaya pilih PAS secara peribadi kerana saya melihat pada dasarnya itu adalah sebagaimana yang kita dokong melalui perlumbagaan kita. Apa perlumbagaan kita? Kita bukan setakat memartabatkan bangsa tapi agama itu menjadi satu benda yang perlu dianuti. Tapi parti mana yang memperjuangkan perlumbagaan itu secara tepat? Sebab dalam perlumbagaan ada sebut agama Islam dan sebagainya, dan akhirnya dengan politik agama Islam diperendahkan. Jadi pandangan saya, PAS mendokong prinsip itu dari sudut perlumbagaan Malaysia dan perlumbagaan yang ada dalam PAS sendiri”.

(Ustaz Ahmad Furqan bin Ismail, 29 Mac 2022)

Melalui perkongsian dan pendapat yang diberikan oleh Ustaz Ahmad Furqan, kecenderungan beliau untuk melibatkan diri dalam PAS adalah kerana untuk memperjuangkan dan menaikkan martabat agama Islam seiring dengan tuntutan syariat dan perlumbagaan Malaysia sendiri.

##### **4.8.1 Pendapat Umum Mengenai Pernyataan “Kecenderungan dan Pilihan Politik”**

Pengumpulan data dan maklumat melalui kaedah soal selidik ini juga turut melibatkan soalan yang berkaitan dengan pendapat umum mengenai penyertaan ‘kecenderungan dan pilihan politik’ dalam kalangan pengundi luar bandar di kawasan kajian. Pernyataan ‘Sikap suka merendah-rendahkan parti lain di hadapan umum adalah punca wujudnya perpecahan dalam masyarakat’ mendapat persetujuan penuh daripada semua responden dengan 100 peratus (Lihat Jadual 4). Hal ini kerana sikap negatif yang beserta dengan kata-kata yang tidak baik sememangnya mampu mendatangkan pelbagai kesan tidak baik termasuklah menjelaskan hubungan dengan orang-orang sekeliling atau masyarakat. Akibatnya, wujud perpecahan dan masyarakat akhirnya hidup dalam keadaan saling membenci antara satu sama lain walaupun tinggal pada tempat yang sama serta berpijak pada tanah yang serupa.

JADUAL 4. Pendapat umum mengenai pernyataan “Kecenderungan dan Pilihan Politik” (Peratus)

Bil.	Kecenderungan dan Pilihan Politik	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Kecenderungan terhadap sesuatu parti politik adalah merupakan hak individu yang tidak boleh dipertikaikan.	100	0	0
2.	Sikap suka merendah-rendahkan parti lain di hadapan umum adalah punca wujudnya perpecahan dalam masyarakat.	100	0	0
3.	Setiap pemimpin politik perlu dihormati walaupun wujud perbezaan parti politik.	96	0	4
4.	Sikap seseorang calon politik kepada masyarakat mendorong minat dan sokongan masyarakat untuk mengundi.	84	0	16
5.	Pilihan politik yang berbeza menimbulkan suasana yang tidak harmoni di kawasan DUN Ajil, Hulu Terengganu.	0	96	4

*Sumber: Soal selidik 2022*

Selain itu, pernyataan berkaitan ‘kecenderungan terhadap sesuatu parti politik adalah merupakan hak individu yang tidak boleh dipertikaikan’ juga memperoleh catatan peratusan penuh iaitu 100 peratus. Ini menunjukkan bahawa para responden yang juga merupakan pengundi di kawasan kajian ini sememangnya faham akan hak dan keputusan masing-masing dalam memilih mana-mana parti tanpa perlu mewujudkan apa-apa konflik atau masalah mengenai perkara berkenaan. Sikap yang matang dan bermasyarakat yang tinggi ini wajar dikekalkan dan diamalkan di seluruh negara supaya isu perpecahan masyarakat dapat terus dielakkan sekaligus melahirkan rakyat negara yang bersatu padu. Hal ini mampu mewujudkan kesan positif, baik kepada kehidupan masyarakat itu sendiri mahupun untuk sistem politik dan kedamaian negara.

Seterusnya, sebanyak 96 peratus responden bersetuju jika dikatakan ‘setiap pemimpin politik perlu dihormati walaupun wujud perbezaan parti politik’. Tidak dinafikan bahawa setiap pemimpin perlu melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap seluruh masyarakat tanpa mengira pandaga atau pemilihan parti politik mereka dan begitu juga dengan masyarakat kepada para pemimpin. Walaupun berada dalam pemilihan dan pendapat parti politik yang berbeza, namun sikap saling menghormati antara satu sama lain wajib perlu diamalkan supaya tidak wujud sebarang isu berkaitan dengan perpecahan dan perbalahan. Hal ini kerana para pemimpin merupakan golongan yang telah dipilih untuk menggalas amanah dalam menjaga kebijakan kita sebagai masyarakat setempat dan orang awam dan mereka wajar dihormati sesuai dengan bakti dan tanggungjawab yang dilaksanakan. Pernyataan ‘sikap seseorang calon politik kepada masyarakat mendorong minat dan sokongan masyarakat untuk mengundi’ pula mendapat persetujuan sebanyak 84 peratus daripada

para responden yang terlibat. Pernyataan tersebut wajar dipersetujui kerana masyarakat yang memilih pemimpin mereka dan masyarakat mempunyai hak untuk memilih pemimpin yang bersikap baik serta memiliki nilai-nilai positif dalam diri. Hal ini kerana, pemimpin merupakan mereka yang bertanggungjawab untuk menjaga kebijakan masyarakat dan sikap pemimpin yang mesra, mudah menerima pendapat serta prihatin merupakan sikap terbaik yang diperlukan oleh masyarakat. Jika

pemimpin yang dipilih merupakan mereka yang sombang dan tidak prihatin kepada kehidupan masyarakat, maka tanggungjawab mereka untuk memastikan masyarakat hidup dalam keadaan berkualiti dan selesa tidak dapat dijalankan dengan sebaiknya.

## 5. Rumusan dan Cadangan

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat mengenalpasti dengan lebih jelas berkaitan dengan jenis dan cara penglibatan politik dalam kalangan pengundi luar bandar di kawasan DUN Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu. Kebanyakan mereka didapati turut melibatkan diri sebagai kakitangan di pejabat-pejabat politik yang terlibat malahan ada juga yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti politik pilihan raya yang dijalankan di kawasan ini. Hal ini sudah jelas membuktikan bahawa rata-rata penduduk di kawasan ini merupakan mereka yang terlibat dalam politik baik secara langsung mahupun tidak langsung. Selain itu, kajian ini juga menjelaskan berkaitan dengan kepelbagaian persepsi dalam kalangan responden dan informan yang terlibat terhadap isu politik pilihan raya yang berlaku di kawasan kajian ini serta kecenderungan mereka terhadap parti politik yang ada.

Kajian ini turut membuktikan bahawa semangat kemasyarakatan yang baik berlaku dalam kalangan responden di kawasan kajian ini dan semangat tersebut sememangnya wajar dikekalkan. Oleh itu, semua pihak mestilah memiliki sikap mampu menerima pandangan dan pendirian orang lain serta menanam rasa hormat di antara satu sama lain. Hal ini bukan sahaja mampu mendatangkan kesan positif terhadap hubungan antara masyarakat atau penduduk, malahan turut memberi manfaat terhadap sistem pemerintahan dan pentadbiran di peringkat negeri mahupun negara. Apa yang paling penting diharapkan kajian ini dapat membantu para pengkaji untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, menambahkan data tambahan di samping dapat dijadikan sebagai panduan serta rujukan kepadapihak berkaitan.

## Rujukan

- Abdul Hadi Awang. (2019). *Islam Memimpin*. Kuala Lumpur: Pejabat Presiden PAS.
- Abdul Halim Daud, Zarina Othman & Nor Azizan Idris. (2018). Hubungan Iran-Arab Saudi dan kestabilan rantau Timur Tengah. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 45(10): 147-176.
- Azrul Azlan Abdul Rahman. (2018). Analisis isu air di Israel dan Palestin berdasarkan politik dan undang-undang antarabangsa. *Jurnal Hadhari* 10(2): 159-168.
- Azrul Azlan Abdul Rahman. (2018). Hubungan ASEAN-Sino: Antara Order Asia atau dilema “China’s Rise”. *Akademika* 88(3): 5-18.
- Ilyas Abdullah & Nurul Saadatun Nadiah Mohd Ngah. (2018). Dinamika budaya politik Melayu dalam pilihan raya tahun 1999-2018: Terhentinya dominasi BN di Terengganu. *Sains Insani* 3(2): 31-37.
- Ilyas Abdullah & Nurul Saadatun Nadiah Mohd Ngah. (2019). Perkembangan awal gerakan sosio politik Melayu di Terengganu: Tinjauan Daripada Aspek Persejarahan. *Sains Insani* 4(1): 69- 76.
- Ilyas Abdullah, Jamaie Hamil, Sity Daud & Nurul Saadatun Nadiah. (2018). The transition of Malay political culture in Terengganu: From feudal, neo-feudal to new politics. *International Journal Of Academic Research In Business & Social Sciences* 8(12): 2070-2081.
- Ilyas Abdullah. (2020). Transformasi Budaya Politik Melayu Terengganu: Kajian Kes

- Pasca PRU Ke-10. Tesis Phd Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Junaidi Awang Besar, Mazlan Ali, Mohd Faidz Mohd Zain & Ahmad Afif Zulkipli. (2016). Analisis Geografi Pilihan Raya Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manir, Terengganu. *8th International Conference on Humanities and Social Sciences (ICHiSS) 2016*. At The Hotel Royale Chulan Damansara, Selangor, Malaysia. Organized By: Faculty of Defence and Management Study, National Defence University of Malaysia (UPNM) and Prince Of Songkla University (PSU), Thailand. In The Royale Chulan Hotel, Damansara, Selangor. 27- 29 May.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof. (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis ‘Tsunami Politik Bandar’. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 10: 28-38.
- Junaidi Awang Besar. (2017). Trend pengundian dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-13. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 12(2): 126-149.
- Muhamad Takiyuddin Ismail. (2018). Bantuan demokrasi di Malaysia: Peranan promoter berprofil rendah. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 45(1): 1-33.
- Tuan Abdul Muhammin Mohamed Zameri (Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (ARMADA) BERSATU Hulu Terengganu). (2022). Partisipasi Dan Persepsi Pengundi Luar Bandar Dalam Politik Pilihan Raya: kajian kes di kawasan DUN Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu. Temu bual, 30 Mac.
- Ustaz Ahmad Furqan Ismail (Pegawai Khas ADUN Ajil, Ketua Urusetia Parti Islam SeMalaysia (PAS) DUN Ajil). (2022). Partisipasi Dan Persepsi Pengundi Luar Bandar Dalam Politik Pilihan Raya: kajian kes di kawasan DUN Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu. Temu bual, 29 Mac.